



**SKOP PENYELIDIKAN DAN SYARAT PERMOHONAN  
GERAN PENYELIDIKAN LUBUK YU, DAERAH MARAN, NEGERI PAHANG  
TAHUN 2023**

---

**BAHAGIAN 1: BIDANG DAN SKOP PENYELIDIKAN**

**1.1 Tujuan**

Tujuan Geran Penyelidikan (GP) Lubuk Yu, Pahang adalah untuk:

- i. menggalakkan pelaksanaan penyelidikan/kajian perhutanan melalui pengumpulan maklumat-maklumat baharu tentang biodiversiti di Lubuk Yu, Daerah Maran, Pahang;
- ii. memperkaya dan mengemaskini gedung ilmu dan pendokumentasian tentang biodiversiti yang masih banyak tersimpan dan belum diterokai sepenuhnya di dalam Lubuk Yu;
- iii. memperkasakan bidang-bidang penyelidikan/kajian perhutanan yang memberi impak ke atas cara pengurusan dan pemeliharaan biodiversiti;
- iv. meningkatkan penerbitan saintifik berkaitan penyelidikan/kajian perhutanan di Lubuk Yu; dan
- v. menggalakkan jaringan kerjasama penyelidikan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT), agensi penyelidikan Kerajaan dan pertubuhan berdaftar.

**1.2 Kluster Kajian dan Skop Penyelidikan**

GP Lubuk Yu, Daerah Maran, Pahang bagi tahun 2023 akan memberi keutamaan ke atas kluster/bidang kajian dan skop penyelidikan seperti berikut:

Bil.	Kluster / Bidang Kajian	Skop Penyelidikan
i.	Flora	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Flora (<i>higher plants, lower plants, tumbuhan ubatan</i>) dan lain-lain</li> <li>• Biojisim</li> <li>• Status pemeliharaan spesies flora (IUCN, endemik dsb)</li> </ul>
ii.	Fauna	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hidupan liar mamalia bersaiz besar dan kecil (<i>big and small mammals</i>)</li> <li>• Avifauna</li> <li>• Reptilia</li> <li>• Amfibia</li> <li>• Haiwan akuatik</li> <li>• Serangga</li> </ul>

iii.	Persekutuan Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian kualiti air</li> <li>• Geologi / Batuan</li> <li>• Perubahan iklim (<i>climate change</i>)</li> </ul>
iv.	Ekopelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan produk ekopelancongan</li> <li>• Rekreasi</li> <li>• Keselamatan dan pencegahan kemalangan rekreasi</li> <li>• Kajian cadangan santuari ikan kelah</li> <li>• Kajian sosial dan ekonomi</li> </ul>

## BAHAGIAN 2: SYARAT PERMOHONAN

### 2.1 Tempoh Penyelidikan

Tempoh penyelidikan yang dicadangkan adalah dari **6 bulan hingga 12 bulan** sahaja mengikut keperluan penyelidikan tertakluk kepada kesesuaian dari segi tajuk dan metodologi penyelidikan yang akan dijalankan.

Walau bagaimanapun, kelulusan untuk melanjutkan tempoh penyelidikan adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Penyelidikan dan Pendidikan Perhutanan Negeri Pahang.

### 2.2 Siling Geran Penyelidikan dan Tempoh Permohonan

Jumlah peruntukan geran yang ditetapkan adalah **tidak melebihi RM10,000.00** bagi satu projek penyelidikan.

### 2.3 Syarat-syarat Permohonan

Syarat-syarat permohonan GP Lubuk Yu adalah seperti berikut:

- i. Penyelidik hendaklah Warganegara Malaysia;
- ii. Penyelidik (sama ada individu atau berkumpulan) hendaklah daripada kalangan:
  - (a) penuntut IPT (ijazah sarjana dan PhD sahaja); atau
  - (b) kakitangan akademik tetap/kontrak dari IPT; atau
  - (c) kakitangan institusi dan agensi penyelidikan Kerajaan/ pertubuhan berdaftar.
- iii. Penyelidik bukan warganegara Malaysia yang bukan merupakan pelajar IPT adalah diwajibkan untuk mendapat kelulusan melaksanakan kajian daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu; dan
- iv. Setiap penyelidik dibenarkan untuk mengemukakan **HANYA SATU PERMOHONAN** kajian sahaja.

### 2.4 Peraturan Kewangan

- i. Perbelanjaan projek yang berkaitan dan terlibat dengan penyelidikan/kajian di Lubuk Yu, Daerah Maran, Negeri Pahang sahaja dibenarkan. Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur perolehan yang berkuatkuasa di universiti/institusi/agensi/pertubuhan bagi setiap perbelanjaan;
- ii. Penyelidik diwajibkan untuk mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan geran kepada JPNP pada setiap bulan. JPNP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan; dan

- iii. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan perlu dipulangkan kepada JPNP.

## 2.5 Peraturan Permohonan

- i. Permohonan untuk GP Lubuk Yu perlu menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan Taman Negeri Rompin, Pahang seperti di **LAMPIRAN B**. Borang yang telah lengkap diisi perlu dikemukakan kepada pihak JPNP melalui emel [regina@forestry.gov.my](mailto:regina@forestry.gov.my) dan [GPLY2023@gmail.com](mailto:GPLY2023@gmail.com) sebelum atau pada 7 Julai 2023 (Jumaat);
- ii. Kertas cadangan penyelidikan hendaklah menepati kluster kajian dan skop penyelidikan yang ditetapkan di Para 1.2, syarat permohonan serta peraturan kewangan yang dinyatakan di Para 2.4; dan
- iii. Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperaku oleh pihak pengurusan universiti/institusi/pertubuhan masing-masing. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak pengurusan universiti/institusi/pertubuhan sahaja yang akan diproses oleh pihak JPNP.

## 2.6 Kriteria Penilaian

- 2.6.1 Semua permohonan GP Lubuk Yu akan dinilai oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Pendidikan Perhutanan Negeri Pahang. Jawatankuasa ini diketuai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan diurussetiakan oleh JPNP.
- 2.6.2 Pemilihan projek penyelidikan/kajian Lubuk Yu akan dinilai berdasarkan kepada kriteria berikut:
  - i. **Hanya lima (5) projek** penyelidikan / kajian Lubuk Yu akan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Pendidikan Perhutanan Negeri Pahang pada tahun ini;
  - ii. Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/model/proses/maklumat/pengurusan baharu;
  - iii. Penyelidikan yang dapat menghasilkan sesuatu penemuan baharu yang berupaya membangunkan atau meningkatkan maklumat saintifik kepelbagaiannya biologi hutan dan menyumbang kepada agenda strategik serta pengurusan Lubuk Yu, Pahang; dan
  - iv. Hasil penyelidikan berupaya menambah baik dasar sedia ada supaya sentiasa relevan dengan tren dan perkembangan isu pengurusan dan pemeliharaan kepelbagaiannya biologi Lubuk Yu, Pahang.

## BAHAGIAN 3: PEMANTAUAN

### 3.1 Implementasi Projek

- i. Semua projek penyelidikan/kajian yang diluluskan di bawah GP Lubuk Yu perlu dipantau daripada aspek kemajuan fizikal projek dan prestasi perbelanjaan/kewangan;
- ii. Penyelidik diwajibkan untuk mengemukakan laporan kemajuan fizikal projek dan prestasi perbelanjaan/kewangan kepada JPNP **pada setiap tiga (3) bulan**; dan

- iii. Projek penyelidikan/kajian yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diberikan. Penyelidik diminta membuat pembetulan (jika berkaitan) mengikut komen yang telah diberi oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Pendidikan Perhutanan Negeri Pahang. Kertas cadangan (*proposal*) yang telah dibetulkan hendaklah dikemukakan semula kepada JPNP dan dianggap muktamad.

### 3.2 Pengawalan Projek

- i. Penyelidik hendaklah menghantar **Laporan Akhir (Final Report)** kepada JPNP selepas projek disiapkan. Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu disiapkan dengan mengemukakan butiran-butiran berikut:
  - (a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
  - (b) Laporan Kewangan
  - (c) Laporan Aset (jika berkaitan)
  - (d) Hasil penyelidikan (disertakan dengan bahan bukti)
- ii. **Artikel jurnal (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) yang telah berjaya diterbitkan dalam jurnal berindeks wajib dikemukakan kepada JPNP. Penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan JPNP wajib dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan;**
- iii. **Kerajaan Negeri Pahang / Jabatan Perhutanan Negeri Pahang mempunyai akses terhadap data dan kertas penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik; dan**
- iv. Penyelidik yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenarai hitam bagi tempoh dua (2) tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan GP Lubuk Yu yang baharu.

### BAHAGIAN 4: KERANGKA KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN

- 4.1 Penyelidik perlu mengemukakan permohonan GP Lubuk Yu dengan melengkapkan Borang Permohonan Geran Penyelidikan Taman Negeri Rompin, Pahang seperti mana di **LAMPIRAN B**.
- 4.2 Borang permohonan yang telah diperakurkan oleh pihak pengurusan universiti/institusi/agensi/pertubuhan perlu dikemukakan kepada:

**Pengarah Perhutanan Negeri Pahang  
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang,  
Tingkat 5, Kompleks Tun Razak,  
Bandar Indera Mahkota,  
25990 Kuantan, Pahang  
(u.p. Seksyen Hutan Lipur)**

**No. Tel: 09-5732911  
No. Faks: 09-5736152  
Emel: [GPLY2023@gmail.com](mailto:GPLY2023@gmail.com)**

- 4.3 Sebarang pertanyaan dan maklum balas, sila hubungi:

**Cik Regina Mariah Jong  
Penolong Pengarah Kanan (Hutan Lipur)  
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang**

No Tel: 09-5732911 (Samb. 268)  
Emel: [regina@forestry.gov.my](mailto:regina@forestry.gov.my)